

12 SEP 2003

Bajet-Haji

KOS TUNAIKAN HAJI MUASASAH TURUN LIMA PERATUS

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Bakal-bakal haji akan dapat mengerjakan rukun Islam kelima itu dengan kadar lebih rendah berikutan pengumuman kerajaan hari ini bahawa kos menunaikan haji secara muasasah untuk 2004 dikurangkan lima peratus.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata untuk mengurangkan kos penginapan, Tabung Haji akan menambah pembinaan dan pembelian tempat tinggal di Mekah dan Madinah.

"Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad juga akan membeli dua buah kapal terbang bagi mengurangkan kos sewaan yang tinggi oleh Tabung Haji," kata Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat di sini.

Pengumuman itu dibuat berikutan gesaan pelbagai pihak supaya kerajaan menurunkan kos menunaikan haji bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat berpendapatan rendah menunaikan ibadat itu.

Laporan sebelum ini menyebut perbelanjaan mengerjakan haji tahun ini ialah RM9,445 seorang bagi Semenanjung, RM9,530 (Sarawak) dan RM9,575 (Sabah).

Dr Mahathir berkata sebagai sebuah negara Islam, kerajaan amat prihatin tentang kos menunaikan haji yang kian meningkat dan merasa terpanggil untuk memastikan kosnya dapat dikawal.

"Jika tidak, kita bimbang di masa akan datang ramai rakyat Malaysia, sama ada di bandar atau luar bandar, akan terkeluar daripada golongan yang mampu menunaikan haji," katanya.

Selain itu, beliau berkata kerajaan akan terus menekankan kepada usaha menerapkan asas-asas ajaran Islam yang sebenar bagi memastikan rakyat disemai dengan nilai mulia dan tidak terkeliru dengan ajaran salah golongan yang berkepentingan politik duniawi.

Untuk tujuan itu, Dr Mahathir berkata RM228 juta diperuntukkan bagi program penerangan dan penghayatan ajaran Islam kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Kerajaan juga menyediakan peruntukan RM105 juta bagi melaksanakan pembinaan kompleks latihan, sekolah agama, masjid serta pembangunan sistem maklumat Islam.

Perdana Menteri berkata nikmat pembangunan dan keselamatan yang dikecapi negara mendorong banyak pemimpin dan ulama Islam seperti Sheikh Al-Azhar menyatakan secara terbuka bahawa Malaysia ialah negara Islam contoh.

"Pendapat bahawa negara Islam mestilah miskin, ketinggalan zaman, mempunyai pentadbiran yang hanya tahu meminta-minta dan lemah seperti yang terdapat di negeri-negeri yang diperintah oleh mereka yang bukan ahli pentadbiran, ini sesungguhnya menghina Islam," katanya.

Katanya jika umat Islam berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran dan hadis sahih serta tidak taksab kepada ulama tertentu, tidak ada sebab umat Islam menjadi lemah, dihina dan ditindas oleh orang lain.

-- BERNAMA

MAM AHH BK